

Analisis terhadap Model-model Penilaian Laman Sesawang Islam Berbentuk Dakwah di Malaysia

MOHAMAD ADIB MOHAMAD SALIH
HALIMI MOHD KHALID
ROSMILA ABDUL KAHAR
WAN AINAA MARDHIAH WAN ZAHARI
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRAK

Dakwah melalui teknologi maklumat telah lama berlangsung di Malaysia. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi mahupun individu untuk menyebarkan ajaran Islam kepada masyarakat. Dakwah boleh dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan termasuk penggunaan teknologi maklumat. Keberkesanan dakwah dalam menggunakan teknologi maklumat telah terbukti dengan melihat kepada pembangunan laman sesawang Islam yang banyak di dalam Internet. Berdasarkan perkembangan yang pesat ini, pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan kepada proses penerimaan ilmu pengetahuan dan pengambilan maklumat. Penyebaran maklumat yang salah dan tidak boleh dipercayai juga menyumbang kepada permasalahan seperti isu fitnah yang berleluasa seharusnya dititikberatkan dalam kalangan masyarakat untuk menilai sesuatu ilmu yang diambil daripada Internet. Dalam konteks laman sesawang Islam telah wujud pelbagai bentuk laman sesawang yang menjurus kepada penyebaran ajaran Islam. Namun, bagaimana masyarakat menerima sesuatu maklumat berdasarkan ilmu yang dimuatnaik di dalam laman sesawang tersebut dari segi kebolehpercayaan maklumat dan kredibiliti penulis? Dan bagaimana penilaian yang dibuat sebelum mengambil atau menyebarkan kepada orang lain? Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada penganalisisan model-model penilaian laman sesawang Islam bagi mengenalpasti ciri-ciri dan kriteria dalam menilai sesebuah laman sesawang Islam. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada pengguna Internet untuk menilai sesebuah laman sesawang atau perkakasan Internet yang lain.

Kata kunci: *Model, penilaian, laman sesawang, dakwah, Islam.*

Analysis on Islamic Website Evaluation Models in the Form of Dakwah in Malaysia

ABSTRACT

Dakwah through information technology is taking place in Malaysia. Various efforts are taken by various agencies and individuals to spread the teachings of Islam to society. Dakwah can be implemented using various approaches including the use of information technology. The efficacy of dakwah using information technology has been proven by looking at the development of many Islamic websites in the Internet. Based on this rapid development, the development of information and communication technology has had a slight impact on the process of accepting knowledge and information retrieval. Incorrect and untrustworthy information dissemination as well as contributes to issues such as massive defamation issues should be emphasized in the community to evaluate the knowledge gained from the Internet. In the context of Islamic websites, there are various forms of websites that lead to the spread of Islamic teachings. But how do people receive information based on the knowledge uploaded to the site in terms of the credibility of the author's credibility and

information? And how the judgments are made before taking or disseminating to others? Therefore, this study focuses on the analysis of Islamic website evaluation models to identify the features and criteria in evaluating an Islamic website. Hopefully this study will benefit Internet users to evaluate website or other Internet hardware.

Keywords: *Model, evaluation, website, dakwah, Islamic*

PENGENALAN

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia masa kini. Kemajuan yang begitu pesat menyebabkan muncul teknologi dan inovasi baru yang mengubah gaya hidup dan pemikiran masyarakat dunia khususnya di Malaysia. Hasil kemajuan ini telah menjadikan masyarakat di Malaysia menggunakan ICT dalam kehidupan seharian mereka. Kewujudan media baru seperti laman sesawang, blog dan media sosial telah mengubah gaya hidup masyarakat masa kini. Melaluinya, pelbagai aktiviti boleh dilakukan seperti penghantaran mesej melalui emel, berhubung dengan orang lain pencarian maklumat dan penyebaran maklumat. Dari perspektif ilmu dan maklumat dalam Internet pula, pelbagai maklumat yang disebarluaskan tanpa menilai kualiti dan mutu sesuatu maklumat yang disebarluaskan. Ianya melibatkan penyebaran maklumat yang salah dan membawa fitnah dan juga maklumat yang tidak selari dengan ajaran Islam. Perkara ini menyebabkan penyebaran maklumat yang tidak seimbang.

PERNYATAAN MASALAH

Kesinambungan dari itu, kemunculan Internet sebagai lebuh raya maklumat sangat bermanfaat khususnya dalam aktiviti penyebaran dakwah Islam. Teknologi Internet dan pertumbuhan media sosial telah mengubah amalan komunikasi di pelbagai peringkat, ini kerana masyarakat cenderung menggunakan Internet sebagai tempat berkomunikasi dengan orang lain (Ahmad, 2019). Justeru, peranan pendakwah perlu ditonjolkan melalui penyebaran maklumat Islam bagi mengimbangi maklumat bukan Islam di Internet. Kesannya, wujud lambakan laman sesawang anti Islam seperti laman sesawang kristian telah dibina bertujuan untuk merosakkan akidah umat Islam (Siti Ezaleila & Hamed, 2012). Mengapakah ini berlaku? Pelbagai persoalan yang timbul dalam kalangan pengamal media dalam mengangkat martabat kualiti laman sesawang dakwah sebagai pilihan pengguna Internet. Jika dilihat proses globalisasi telah dipermudahkan dengan perkembangan teknologi yang semakin mencabar secara tidak langsung mampu menjelaskan keutuhan sesebuah negara (Zarina & Bakri, 2018). Penyebaran pelbagai maklumat yang boleh memesongkan akidah telah banyak disebarluaskan dari kecanggihan teknologi, bahkan pihak anti Islam semakin berani untuk menentang Islam secara terang-terangan seperti membidaahkan amalan yang dianggap tidak jelas di sisi agama. Menurut Hanafiah (2019) isu-isu seperti ini boleh mengancam perpaduan umat Islam walaupun pelbagai fatwa telah dikeluarkan bagi membendung masalah yang dapat mengganggu gugat perpaduan umat Islam di negara ini. Malahan terdapat juga laman sesawang syiah yang menyerupai Islam tetapi tidak berpegang dengan ajaran Islam sebenar mampu mengganggu gugat pegangan masyarakat Islam. Oleh sebab itu, dakwah masa kini memerlukan penjanaan pemikiran dan sumbangsan yang lebih dinamis, sambil tidak menafikan pendekatan dakwah klasik berdasarkan amalan Rasulullah S.A.W. dan para sahabat. Perkembangan dunia masa kini dengan pelbagai cabaran memerlukan penglibatan dari pelbagai pihak untuk menjana idea baru dan menggerakkan institusi dakwah di peringkat negara.

Secara definisinya, laman sesawang dakwah boleh dikategorikan sebagai laman sesawang Islam yang mempunyai ciri-ciri yang boleh menyakinkan pengguna bahawa ianya adalah laman sesawang Islam (Mansur et al., 2012). Tambah beliau, kualiti laman sesawang dakwah tersebut boleh dinilai berdasarkan tiga ciri utama iaitu reka bentuk, kandungan umum dan kandungan Islam. Menurut Mansur et al. (2012), dua faktor yang perlu diutamakan ketika membangunkan laman sesawang dakwah adalah reka bentuk dan isi kandungan maklumat. Kualiti sesebuah laman sesawang dakwah boleh dinilai berdasarkan ciri-ciri reka bentuk dan isi kandungan maklumat Islam tersebut. Ciri-ciri ini perlu diaplikasikan ke dalam laman sesawang dakwah untuk menjadikan ianya sebagai salah satu bahan rujukan ilmiah yang boleh digunakan oleh masyarakat Islam.

Sehubungan itu, masalah yang dihadapi oleh golongan pendakwah juga adalah keupayaan mereka untuk membangunkan satu laman sesawang dakwah yang berkualiti dari aspek kandungan ataupun paparan. Sekiranya, penglibatan ini hanya dari pendakwah yang mempunyai kemahiran terhad maka sasaran dakwah tidak akan mencapai objektifnya. Oleh itu, golongan teknologi dilihat sebagai golongan yang mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang agama dan teknologi untuk melawan dan menangkis serangan golongan anti Islam dengan membangunkan aplikasi laman sesawang dakwah yang berkualiti dan memenuhi kehendak masyarakat Islam (Mohd. Kamal, 2013). Oleh sebab itu, analisis terhadap model-model penilaian laman web Islamik perlu dilaksanakan bagi menggariskan ciri-ciri dan kriteria penting dalam proses pembangunan. Kajian ini memfokuskan beberapa model penilaian laman sesawang Islam untuk dijadikan panduan dan menambahbaik terhadap model penilaian yang sedia ada.

KAJIAN SOROTAN

Para sarjana Islam terdahulu dalam bidang dakwah telah banyak membahaskan definisi dakwah dari pelbagai sudut dan perspektif. Sehingga ke hari ini, perubahan zaman yang berlaku tidak menyebabkan dakwah terhenti dari pelaksanaannya kerana Islam itu bersifat luas dan tidak pernah menyekat manusia dari arus pemodenan. Perkembangan definisi dakwah, metod dakwah, isi dakwah dan sasaran dakwah juga sentiasa mengalami perubahan ketara sejak tercetusnya teknologi maklumat. Merujuk kepada kitab-kitab dakwah secara terperinci telah menjelaskan makna dakwah yang dikaji dan menghasilkan definisi dakwah yang dilihat amat bersesuaian dengan keadaan peredaran zaman yang berlaku. Dakwah boleh didefinisikan sebagai usaha untuk menyeru manusia ke arah kebaikan dan kebenaran, seterusnya dapat mengamalkan ajaran-ajaran yang dibawa oleh agama Islam. Nabi Muhammad S.A.W. adalah peneraju usaha dakwah kepada umat ini. Baginda membawa rahmat Islam kepada seluruh umat manusia dengan mengajar tentang wahyu yang diturunkan oleh Allah S.W.T. sebagai pedoman hidup di dunia sebagai bekalan di akhirat.

Secara terminologi dakwah itu dapat ditakrifkan sebagai aspek positif dari seruan, ajakan dan panggilan untuk menuju keselamatan dunia akhirat. Pelbagai istilah yang diutarakan oleh para ulama' dahulu dan para sarjana moden dalam bidang dakwah yang telah memberikan definisi dakwah dengan gaya dan kefahaman yang tertentu. Istilah-istilah dakwah yang dturunkan dari Al-Quran seperti *risalat*, *tausiyahm*, *al-haq* dan *Ash-shabar*. Asep dan Abd Djaliel (2002) menjelaskan istilah-istilah tersebut merupakan turutan berkait kepada tujuan yang suci, kebenaran dan kebaikan yang harus dikomunikasikan dan ditegakkan dalam hidup dan kehidupan manusia sepanjang zaman.

Tambahan lagi, definisi dakwah yang dijelaskan oleh Asep dan Abd Djaliel (2002), adalah keupayaan aktiviti mengajak atau menyeru umat manusia agar berada di jalan Allah S.W.T., iaitu sistem Islam yang sesuai dengan fitrah manusia, baik melalui aktiviti lisan dan tulisan atau aktiviti perbuatan, sebagai menengahkan nilai-nilai kebaikan dan kebenaran prinsip-prinsip dan universal (*al-khayr*), sesuai dengan pengertian dasar Al-Islam, menjadi aktiviti dalam kehidupan sosial budaya untuk mencegah dan menjauhkan hal-hal yang memang secara fitrahnya ditolak dan diingkari oleh nurani (*al-munkar*), demi mewujudkan umat pilihan (*khayr ummah*). Dakwah dengan kelembutan dengan cara hikmah dapat membantu usaha dakwah mencapai tujuannya. Sebagaimana pandangan Aziz (2004) iaitu Islam adalah agama dakwah yang perlu disebarluaskan dengan cara damai, bukan dengan kekerasan yang bermaksud seruan kepada Islam agama sejahtera (*addin salim*). Terdapat beberapa perkara yang disentuh berdasarkan definisi dakwah yang perlu diuraikan supaya ianya nampak lebih praktikal sebagaimana yang dijelaskan Mohd Sabri (2004), definisi dakwah iaitu secara umumnya perkataan dakwah membawa makna ajakan dan panggilan. Beliau membahagikan makna perkataan dakwah secara istilah kepada dua bahagian, pertama:

1. Dakwah membawa makna kalimah as-syahadah dan tauhid yang mengajak orang-orang kafir memeluk agama Islam. Firman Allah S.W.T. dalam Surah ar-Ra'd ayat 14:

لَهُ دُعْوَةُ الْحُقْقَىٰ وَالَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ لَا يَسْتَجِيئُونَ لَهُمْ بِشَيْءٍ وَإِلَّا كَبَاسِطٌ كَفَّيْهِ إِلَى الْمَاءِ لَيَنْتَلِعَ فَأُهْ وَمَا هُوَ بِبَالِغٍ ۚ وَمَا دُعَاءُ الْكَافِرِينَ إِلَّا فِي ضَلَالٍ.

Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah jua; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatu pun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepada-Nya. Dan tiadalah ibadat dan doa permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.

2. Dakwah membawa makna seruan (النداء), minta (الطلب) dan galakan (الحسو). Firman Allah S.W.T. menepati maksud yang diberikan. Allah S.W.T. berfirman di dalam Surah ar-Rom ayat 25:

وَمِنْ آيَاتِهِ أَن تَقُومُ السَّمَاءُ وَالْأَرْضُ بِأَمْرِهِ ۖ ثُمَّ إِذَا دَعَكُمْ دُعْوَةً مِنَ الْأَرْضِ إِذَا أَنْتُمْ تَخْرُجُونَ.

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmunya dan kekuasaan-Nya, ialah terdirinya langit dan bumi (dalam keadaan Yang menakjubkan itu) Dengan perintah dan penentuan takdir-Nya; akhirnya apabila ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing).

Kita dapat melihat tujuan dakwah berdasarkan ayat Al-Quran di atas untuk memahami konteks dakwah dengan lebih baik. Mengubah, mengajak, menyeru, memanggil manusia dengan cara berhikmah dan bijaksana kepada tujuan kebaikan tanpa memilih kasih dalam berdakwah sama ada orang kafir atau orang Islam demi mencapai kejayaan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat. Kenyataan ini turut disokong sebagaimana definisi yang dinyatakan oleh Zulkiple, Berhanuddin dan Abdul Ghafar (2000), iaitu dakwah adalah proses penyampaian mesej-mesej Islam seperti akidah, syariah, akhlak dan lainnya secara berterusan (*istiqamah*), bertujuan untuk mengukuhkan iman setiap Muslim dan dalam masa yang sama dapat memujuk orang-orang bukan Islam untuk berkongsi iman dalam keadaan harmoni.

Berlainan pula definisi yang dinyatakan oleh Mohd Radhi, Abdul Rahim, Roslizawati dan Marina Munira (2003) beliau berpandangan terhadap definisi dakwah, dakwah Islamiyah merupakan aktiviti umat yang didasari dengan iman dan keikhlasan untuk beramal, menyebar kerahmatan dan kedamaian kepada umat Islam. Setiap perlakuan dan ucapan umat Islam perlu merujuk kepada kemampuan seseorang yang didasari oleh kekuatan iman dan keikhlasan yang ada pada umat Islam. Penyebaran dakwah Islam bukan sahaja terletak pada bahu-bahu pendakwah, malahan ianya ditanggungkan kepada umat Islam kepada sebahagian umat Islam yang lain dengan iman dan keikhlasan agar setiap manusia memperolehi rahmat dan kedamaian Islam.

Kenyataan ini turut disokong oleh definisi dakwah yang dijelaskan oleh Ab Aziz et al. (2006) dan diperkemaskan lagi, dakwah ialah usaha perpindahan paradigma umat manusia kepada suatu tahap yang sesuai dengan tabiat semula jadi manusia ciptaan Allah S.W.T. Penjelasan dakwah yang diajukan oleh beliau adalah perpindahan berdasarkan kesedaran daripada kekufuran kepada keislaman, kejahatan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, negatif kepada positif, dan perkara-perkara keburukan kepada kebaikan. Ini bermakna dakwah adalah sebuah penghijrahan manusia yang belum didakwah kepada selepas didakwah yang mana dakwah itu sendiri merujuk kepada proses perubahan sifat-sifat manusia kepada fitrah Islam. Beliau turut menambah, dakwah juga ialah usaha mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dan sempurna, baik terhadap peribadi mahupun masyarakat. Dakwah bukan sekadar usaha peningkatan pemahaman keagamaan, tingkah laku dan pandangan hidup sahaja, tetapi juga menuju sasaran yang lebih luas. Apatah lagi pada masa ini, dakwah harus lebih berperanan menuju kepada pelaksanaan ajaran Islam secara holistik dalam pelbagai aspek kehidupan.

Pandangan ini disokong oleh Syamsul Bahri (2003) yang berpendapat bahawa dakwah adalah perbuatan umat Islam yang berpandukan iman dan keikhlasan untuk mengamal, menyebar, dan kedamaian Islam dengan mengubah sasaran dakwahnya ke arah kehidupan yang lebih baik dan sejahtera. Dalam kata lain, di dalam usaha mengubah situasi kepada yang lebih baik, Salasiah (2008) menyatakan dakwah adalah suatu seruan atau panggilan dengan metode tertentu yang disampaikan oleh dai'e yang memiliki ciri-ciri khusus bagi menyelamatkan mad'u daripada kesesatan dan kemungkar, membimbangnya mengikuti ajaran Islam dalam aspek aqidah, syariah serta akhlak bagi mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Ali-Imran ayat 110:

كُنْتُمْ خَيْرًا أُخْرِجْتُ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَايُونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ فَوْلَأَنَّ أَمَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ
لَكَانَ خَيْرًا لَّهُمْ مِّنْهُمُ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ.

Kamu (Wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat Segala perkara Yang baik dan melarang daripada Segala perkara Yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaulah ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana Yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada Yang beriman dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Ayat di atas berperanan menjadi paksi dalam tujuan berdakwah kepada manusia dan umat Islam sejagatnya untuk mencari keredhaan Allah S.W.T. Salasiah (2008) telah membahagikan dakwah kepada tiga bahagian yang dapat membawa maksud mengubah situasi kepada situasi yang lebih baik dengan mengenal pasti keadaan metode dakwah yang perlu digunakan oleh seorang pendakwah. Antaranya:

a. Dakwah Umum

Dakwah umum ialah dakwah kepada semua umat manusia. Ia menjadi tanggungjawab seluruh umat Islam untuk mengajak manusia kepada kebaikan (*amar ma'ruf*) dan mencegah kepada kemungkaran (*nahi mungkar*) di dalam konteks masyarakat umum.

b. Dakwah Sesama Umat Islam

Salasiah (2008), menyatakan tugas berdakwah sesama umat Islam adalah dilakukan sesama umat Islam membimbing mereka dengan pelbagai cara ke arah kebaikan serta mencegah mereka dari melakukan kemungkaran. Ianya dilaksanakan oleh umat Islam yang mempunyai pengetahuan agama serta faqih dalam bidang tertentu.

c. Dakwah Personal atau Individu

Dakwah dari aspek individu dilihat amat penting iaitu seorang individu Muslim membimbing individu Muslim yang lain ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Setiap individu mencuba untuk menjauhkan individu Muslim yang lain dari cenderung melakukan kemungkaran untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T.

HURAIAN

Huraian terhadap penjelasan dakwah di atas dapat disimpulkan bahawa, hakikat dakwah pada dasarnya adalah keupayaan mengajak dan menyeru manusia kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkaran. Berdasarkan kepada beberapa takrif dakwah yang diberikan oleh para sarjana dapat disimpulkan bahawa tujuan dakwah bukan sekadar mengajak manusia menerima Islam, malahan menyeru dan mengajak manusia melakukan kebaikan, mengubah diri, menghayati, merasai, menikmati dan mempraktikkan segala yang terkandung dalam Islam di dalam kehidupan dunia. Penyelidik berpendapat bahawa dakwah adalah proses yang menggabungkan empat dimensi dengan mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Dakwah juga memberi maksud penggunaan metod

baru yang selari dengan perubahan zaman untuk mengangkat dan mencapai objektif dakwah yang disampaikan.

Jadual 1: Definisi dakwah mengikut turutan tahun

| No. | Tahun | Pengarang | Definisi Dakwah |
|-----|-------|---|---|
| 1. | 2000 | Zulkiple et al. (Dakwah dan pengurusan ISAM di Malaysia: Konsep dan pelaksanaan) | Dakwah adalah proses penyampaian mesej Islam yang berterusan, bertujuan untuk mengukuhkan iman setiap Muslim dan dalam masa yang sama dapat memujuk bukan Islam berkongsi iman. |
| 2. | 2002 | Asep, M. & Abd Djaliel, M. (Dakwah dalam perspektif Al-Quran: Studi kritis atas visi, misi, dan wawasan) | Keupayaan aktiviti mengajak atau menyeru manusia agar berada di jalan Allah. Yang selari dengan fitrahnya secara <i>integral</i> , baik dengan lisan dan lisan atau aktiviti perlakuan untuk mengangkat nilai-nilai Islam dengan berpandukan pengertian dasar Islam demi melahirkan umat pilihan. |
| 3. | 2003 | Mohd Radhi et al. (Isu dakwah dan kemanusiaan dalam era globalisasi) | Aktiviti berpaksikan iman dan ikhlas untuk beramal, menyebar iman, dan kedamaian dengan merujuk kepada seluruh umat Islam untuk berdakwah. |
| 4. | 2003 | Syamsul Bahri A. G. & KUIM (<i>Al-Harakah Al-Batiniyah Fi Mizan Al-Islam</i>) | Masyarakat Islam menggunakan istilah dakwah sebagai sarana untuk menyebar dan memahami nilai (<i>qiyyam</i>) dan ajaran (<i>ta'lim</i>) Islam. Ianya merupakan perbuatan umat Islam yang berpandukan iman dan keikhlasan untuk mengamal, menyebar, dan kedamaian Islam mengubah sasarnya ke arah kehidupan yang lebih baik dan sejahtera. |
| 5. | 2004 | Mohd Sabri Ismail (Isu-isu kontemporari akidah dan dakwah) | Memberi makna ajakan dan panggilan dengan membahagikan kepada dua: (1) As-syahadah dan tauhid yang mengajak orang kafir memeluk Islam, (2) Membawa makna seruan, minta dan galakan. |
| 6. | 2004 | Aziz, M. A. (Ilmu dakwah) | Memberi maksud Islam sebagai agama dakwah iaitu agama yang disebarluaskan dengan cara damai, bukan dengan kekerasan, yang bermaksud seruan kepada Islam (agama kesejahteraan). |
| 7. | 2006 | Ab Aziz et al. (Dakwah Islam di Malaysia) | Usaha transformasi paradigma umat manusia kepada tahap yang sesuai dengan fitrah dan tabiat semula jadi manusia. Iaitu, kekufuran kepada keislaman, kejahatan kepada kebaikan, kesesatan kepada hidayah, kegelapan kepada cahaya, negatif kepada positif. Sebuah perubahan manusia kepada fitrahnya. |

Kesimpulannya, sudah jelas bahawa metod dakwah mempunyai peranan penting yang perlu dilaksanakan dalam melestarikan usaha dakwah di zaman teknologi maklumat dan komunikasi. Oleh itu, para pendakwah seharusnya mempelbagaikan pendekatan dakwah dengan mempelajari metod semasa agar selari dengan perkembangan dunia masa kini. Malahan, aspek kerohanian juga mestilah dititikberatkan dalam konsep dakwah agar ianya mencapai sasaran dakwah.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan analisis dokumen dan kajian perpustakaan. Pendekatan ini merupakan kaedah menganalisis dokumen untuk menilai kualiti laman sesawang Islam yang telah wujud serta menambahbaik model penilaian laman sesawang menurut perspektif Islam. Melalui kaedah ini, data-data yang diperolehi akan di

persebahkan dalam bentuk jadual yang jelas bagi menggambarkan dapatan terakhir dalam menjawab permasalahan kajian. Dalam makna yang lain, analisis data bertujuan untuk menyusun data dalam cara yang bermakna sehingga dapat difahami oleh pembaca. Patton (1990), berpandangan bahwa tidak terdapat kaedah yang tepat untuk mengorganisasi, menganalisis dan menafsir data kualitatif.

Dokumen yang dipilih adalah dokumen-dokumen yang berkaitan dengan fokus kajian iaitu model-model penilaian laman sesawang berbentuk Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk memahami proses penilaian laman web Islam yang menepati ciri-ciri kehendak dalam Islam. Dokumen yang diperolehi adalah sumber yang relevan yang diambil daripada jurnal dan artikel yang telah diterbitkan dan mempunyai dapatan kajian yang dapat baik. Menurut Othman (2006) penyelidik perlu memberi perhatian dalam menggunakan bahan-bahan dokumen sebagai sebahagian daripada reka bentuk pengumpulan data kajian mestilah berkaitan dengan persoalan kebolehdapatan atau kemudahdapatan data. Oleh sebab itu, bahan-bahan yang diperolehi dalam kajian ini mestilah berpandukan kepada analisis penilaian terhadap laman web yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu.

DAPATAN

Dunia kini sedang bergerak laju ke hadapan menuju era kepesatan arus teknologi maklumat. Sehubungan itu, ianya telah membawa umat Islam berhadapan dengan cabaran-cabaran baru berkaitan perubahan dan revolusi yang berlaku. Kepesatan teknologi maklumat dan komunikasi telah mencetuskan banyak perubahan dalam menghayati nilai-nilai Islam selepas arus pemodenan. Perubahan terhadap cara hidup umat Islam masa kini yang telah berpaksikan teknologi dan kemajuan maklumat telah menjadikan kesan dan cabaran yang mencabar terhadap nilai, budaya, pemikiran, tatasusila ketimuran dan penghayatan terhadap nilai agama Islam. Menurut Suyurno, Norsiah dan Fairuzah (2004), keistimewaan yang ada pada manusia yang telah dianugerahkan akal, ilmu, sumber alam, kesempurnaan kejadian, diutuskan rasul dan dikurniakan Al-Quran sebagai pembimbing hal dunia dan akhirat. Melalui keistimewaan yang diberikan telah menjadikan manusia untuk bebas berkarya selagi tidak melanggar batas-batas syariat Islam.

Justeru, penggunaan teknologi maklumat sebagai alat untuk menyebarkan dakwah dapat membantu usaha dakwah tersebut mencapai objektif sasarnya di samping usaha dakwah melalui lisan. Dengan kemudahan teknologi maklumat, kita dapat melontarkan idea dan hujah serta pandangan berkenaan Islam dengan bersandarkan Al-Quran dan hadis. Melalui kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi, kegiatan dakwah menjadi lebih berkesan dan cekap untuk menyampaikan ilmu berkaitan Islam supaya dijadikan rujukan kepada umat Islam dalam pelbagai perkara. Salah satu medium dakwah adalah melalui Internet, banyak laman web yang dibangunkan oleh individu atau organisasi dari seluruh negara bertujuan untuk memberikan maklumat dan berkongsi pandangan kepada pengguna Internet. Perkara ini sangat baik sekiranya dapat membantu dan memberi motivasi kepada masyarakat untuk mencari maklumat dengan cekap dan efisyen.

Kredibiliti bagi sebuah laman web dakwah untuk dijadikan rujukan ataupun bacaan dapat dilihat terhadap penulis atau pemilik web tersebut melalui penulisan dan menonjolkan sifat-sifat yang baik. Ini penting kerana berdakwah memerlukan kepada penguasaan dalam pelbagai aspek metodologi dakwah. Kenyataan ini turut disokong oleh Ab. Aziz, Nor Raudah, Yusmini, Faridah dan Mohd Anwarulhaq (2006), beliau menegaskan penguasaan pendakwah terhadap metod dakwah, isi dakwah dan juga terhadap penguasaan teknologi maklumat atau memfokuskan kepada aplikasi saluran dakwah yang akan

dipersembahkan kepada sasaran dakwah. Kesempatan dakwah yang menggunakan instrumen teknologi maklumat dan komunikasi perlu dikuasai sebagai kaedah yang berkesan. Isi kandungan yang tepat dan maklumat yang bermutu merupakan salah satu ciri-ciri utama yang perlu diberikan perhatian dalam mengajak manusia kepada kebaikan. Pengaplikasian ilmu tauhid, tafsir, hadis, fiqah, akhlak, dan sebagainya perlu ditonjolkan dan dijadikan bahan utama. Ini bertujuan memperbanyakkan bahan rujukan dan bacaan *sahih* di lapangan masyarakat Islam.

1) *Jenis-jenis Laman Web Berbentuk Islam*

a. *Laman Sesawang Dakwah*

Laman sesawang dakwah merujuk kepada objektif pembangunan laman web tersebut iaitu menyebarkan ajaran agama Islam dengan kaedah yang betul dan disepakati Islam, serta mengajak kepada keamanan dan kesejahteraan serta memahami perbezaan agama, fahaman, kumpulan, dan masyarakat (Mansur Aliyu, Murni & Abu Osman, 2013a). Secara umumnya laman sesawang dakwah merupakan laman yang menyediakan pelbagai informasi berkenaan Islam, dakwah, akidah, syariah, akhlak dan ilmu-ilmu yang berkaitan Islam yang bertujuan mengajar umat Islam. Malahan, Quran, hadis, fatwa, ruang bicara, pengiklanan, menderma, dan sebagainya merupakan ciri-ciri umum bagi laman sesawang dakwah.

b. *Laman Sesawang Al-Quran*


Al-Quran merupakan sumber pertama dalam agama Islam yang telah diturunkan oleh Allah S.W.T. melalui perantaraan malaikat Jibril A.S. ke dalam dada Nabi S.A.W. secara beransur-ansur selama 23 tahun setelah kerasulan Baginda S.A.W. Wahyu pertama yang diturunkan sebagaimana yang disepakati oleh ulama' adalah Surah al-A'laq ayat 1-5. Setelah Baginda S.A.W. wafat, Saidina Abu Bakr R.A. telah mengumpulkan Al-Quran bersama Saidina Umar R.A. kerana dikhawatir sumber wahyu tersebut akan hilang sekiranya tidak dikumpulkan para hafiz Al-Quran selepas kewafatan Nabi S.A.W. Sehingga ke hari ini kitab Al-Quran telah dicetak berulang kali dan disebarluaskan ke serata dunia. Tambahan pula, dengan kewujudan laman web Al-Quran di Internet dan juga pentafsiran Al-Quran dari kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Jalilaini telah menarik minat pengguna Muslim untuk mengaksesnya samada untuk bahan bacaan ataupun sebagai bahan rujukan. Reka bentuk yang menarik dan penggunaan ayat Al-Quran yang tersusun dan juga penglibatan ulama-ulama Islam dalam membincang dan membahaskan isi kandungan Al-Quran untuk rujukan awam sangat diperlukan. Walaubagaimanapun laman web Al-Quran perlu ditambahbaik dari masa ke semasa dari segi maklumat, bacaan dari qari terkenal, pentafsiran dan sebagainya supaya pengguna Muslim dapat mengaksesnya dengan mudah dan cekap. Perkara ini turut disokong oleh Ahmad Bakeri (2010) yang mana beliau menyatakan bahawa kualiti sesebuah laman web Al-Quran mampu menarik ramai pengguna untuk mengaksesnya. Ini bererti bahawa kualiti sesebuah laman sesawang Al-Quran terletak pada para pembangun laman sesawang tersebut untuk menyusun reka bentuk dan seni bina maklumat laman web tersebut.

c. *Laman Web Hadis*

Hadis merupakan salah satu sumber daripada rujukan di dalam agama Islam selepas Al-Quran. Terdapat banyak hadis yang telah wariskan oleh Nabi S.A.W. semasa hidupnya, ramai para sahabat yang telah meriwayatkannya daripada Nabi S.A.W. untuk digunakan sama ada untuk panduan hidup sendiri atau diriwayatkan kepada orang lain. Pada zaman teknologi, banyak aplikasi yang telah dibangunkan oleh golongan-golongan cendikiawan untuk menyebarkan dan membahaskan berkaitan hadis contohnya di dalam Internet. Kemudahan yang disediakan ini menjadikan orang awam untuk merujuk secara langsung ke dalam laman web yang menyediakan maklumat berkenaan hadis. Hadis sebagaimana para ulama' terdahulu telah membahagikan hadis kepada beberapa bahagian utama yang boleh dibuat rujukan kerana kesahihan hadis tersebut tidak boleh dipertikaikan seperti hadis *mutawatir*, iaitu hadis-hadis yang diriwayatkan oleh ramai sahabat Nabi S.A.W. sehinggalah ianya diangkat menjadi mutawatir. Walau bagaimanapun, kesahihan hadis yang dibahaskan di dalam Internet perlu dinilai kesahihan dan kebenarannya dengan merujuk kepada kitab-kitab muktabar atau merujuk kepada para ulama' yang mempunyai pengetahuan mengenainya. Ini penting supaya masyarakat awam tidak terpengaruh dengan penipuan di dalam hadis kerana banyak golongan yang menggunakan nama Nabi S.A.W. untuk menyebarkan dakyah mereka demi kepentingan golongan tertentu. Oleh itu, pemeliharaan hadis sebagai sumber Islam yang kedua adalah satu usaha untuk memastikan ketulenan dan autoriti teks hadis bersandarkan kitab-kitab hadis yang *muktabar* dari masa ke semasa supaya tidak menjadi kekeliruan dalam masyarakat Islam (Shahril, 2012).

2) *Model Penilaian Laman Sesawang Dakwah*

Konsep penilaian ciri-ciri laman sesawang Islam telah banyak dihasilkan oleh penyelidik terdahulu. Perkara ini menunjukkan kajian terhadap penilaian laman sesawang Islam telah lama berlangsung dan disedari oleh pelbagai pihak dalam menilai kualiti dan keberkesanan sesebuah laman sesawang Islam. Sejak perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan hubungan dan jarak komunikasi menjadi pantas dan cepat. Kewujudan Internet telah menyebabkan golongan-golongan pembina laman sesawang sama ada organisasi ataupun persendirian membangunkan laman sesawang dengan pelbagai tujuan.



Rajah 2: Model penilaian laman sesawang Islam,
Sumber: Mansur et al. (2012).

Model penilaian laman sesawang Islam yang dibangunkan oleh Mansur Aliyu, Murni Mahmud dan Abu Osman (2012) telah membentuk 3 elemen utama dalam menilai kualiti sesebuah laman web Islam yang dapat mempengaruhi pengguna-pengguna Internet. Bagi mendefinisikan makna laman sesawang Islam, Mansur et al. (2012) menyatakan bahawa laman sesawang Islam terdiri dari ciri-ciri tertentu yang boleh dikategorikan sebagai laman sesawang yang mempunyai identiti Islam sama ada persembahan atau isi kandungan yang Islamik. Beliau menambah bahawa laman sesawang agama adalah gabungan ciri-ciri yang meyakinkan prinsip-prinsip asas terhadap penganut ajaran agama Islam. Hubungan antara ketiga-tiga elemen ini menunjukkan laman sesawang Islam bukan hanya dinilai pada elemen-elemen itu sahaja malahan faktor kepenggunaan Internet juga turut diambil kira.

Penilaian laman web berdasarkan kepuasan pengguna terhadap penggunaannya. Elemen pertama yang dinilai berpandukan ciri-ciri reka bentuk yang terdapat dalam laman sesawang. Dalam kata lain, penilaian dibuat berdasarkan pengukuran dari segi kebolehgunaan, navigasi, interaktiviti, kebolehcapaian, fungsi, daya tarikan, keselamatan atau privasi. Elemen kedua pula adalah isi kandungan laman sesawang yang mengukur kualiti laman sesawang seperti kepercayaan, relevan, kebolehpercayaan, kredibiliti, objektif dan kesahan. Elemen kedua ini menjurus kepada kualiti bagi setiap maklumat yang dimasukkan ke dalam laman sesawang. Manakala elemen yang ketiga adalah ciri-ciri isi kandungan Islam yang terdiri daripada tauhid, sunah, niat, etika, pengenalan, simbol dan perisian.

Elemen-elemen Islam yang digunakan dalam menilai isi kandungan Islam merangkumi keseluruhan konsep laman web agama, sebagai contoh, tauhid adalah kepercayaan dan pegangan oleh seorang Muslim kepada tuhannya. Ianya merangkumi pegangan dan kepercayaan bahawa tiada seorang manusia yang mampu menandingi walau dengan pelbagai cara terhadap kuasa Allah S.W.T. Perkara ini dilihat sangat penting bagi menilai kebolehpercayaan terhadap sesuatu maklumat yang disampaikan melalui laman

web agama yang dengan mudah membina laman web agama dan sebagainya. Terdapat pelbagai tujuan laman web Islam dibangunkan. Antaranya ialah untuk menyampaikan informasi berkaitan agama, isu-isu semasa, perbahasan sesebuah topik dan pelbagai lagi (A. Irwan, 2012). Beberapa faktor yang perlu dikenal pasti di dalam laman web dakwah untuk dinilai antaranya, ciri-ciri laman sesawang, kriteria laman sesawang, jenis laman sesawang, kredibiliti kandungan bahan Islam dan kredibiliti penulis ataupun Blogger tersebut dan juga pendedahan konsep Islam seperti akhlak, akidah dan syariah.

Perkara ini turut dilaksanakan oleh Mansur et al. (2013a), beliau telah menghasilkan model penilaian laman sesawang Islam berdasarkan kualiti laman sesawang Islam yang mampu menarik minat pengguna untuk melayarnya. Kualiti sesebuah laman web bergantung kepada isi kandungan dan gaya persembahan laman sesawang yang dimasukkan ke dalam laman sesawang Islam tersebut. Faktor utama yang dilihat di dalam modul tersebut, yang pertama adalah dari segi reka bentuk seperti kebolehgunaan, navigasi, interaktiviti, kebolehcapaian, fungsi, daya tarikan, keselamatan atau privasi. Faktor kedua adalah dari segi isi kandungan bahan bukan Islamik, seperti kepercayaan, relevan, kebolehpercayaan, kredibiliti, objektif, kesahan.

Banyak teori penilaian laman sesawang Islam telah dibangunkan oleh penyelidik terdahulu bagi menentukan kualiti sesebuah laman web Islam tersebut berdasarkan faktor-faktor yang wujud di dalam laman web tersebut. Sepertimana teori konsep yang dibangunkan oleh Mansur et al. (2013a), beliau telah menggariskan beberapa teori terdahulu bagi melihat dengan lebih jelas jurang kajian yang masih belum diterokai. Menurut Mansur et al. (2013a) faktor-faktor Islamik dalam sesebuah laman web yang terdiri daripada kepercayaan, etika, perkhidmatan, simbol dan nilai adalah penting dalam konsep persembahan dan penyampaian laman sesawang dakwah. Pendekatan ini juga memberikan kesan yang baik terhadap pemahaman individu hasil dari penyampaian yang berkualiti dan persembahan isi kandungan. Penggunaan elemen-elemen multimedia ini ke dalam laman sesawang dakwah dengan kaedah dan cara penyusunan yang betul dan menarik akan menjadikan laman sesawang dakwah yang berkualiti. Disamping itu, penerapan unsur-unsur Islam dalam penilaian laman sesawang Islam dapat menilai setiap sudut yang dikaji dan mengenalpasti kelemahan yang wujud dalam laman sesawang tersebut. Oleh itu, elemen-elemen yang digunakan dalam model penilaian adalah satu inovasi kepada pengembangan kajian dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

PERBANDINGAN KOMPONEN PENGUKURAN KUALITI LAMAN SESAWANG DARI TAHUN 2004 HINGGA 2013

Jadual 3: Kod matrik terhadap elemen-elemen berdasarkan teori penilaian terdahulu

| Komponen | Daniels (2004) | Wan Abdul Rahim et al. (2006) | Kasmani et al. (2008) | Hameed (2009) | Emma Nuraihan et al. (2010) | Shafie et al. (2010) | Ahmad bakeri (2010) | Murni et al. (2010) | Ishak et al. (2011) | Murni et al. (2011) | Saidin (2012) | Mahmud et al. (2012) | Mansur et al. (2013a) | Mansur et al. (2013b) |
|-----------------------------|-------------------|----------------------------------|--------------------------|------------------|--------------------------------|-------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|------------------------|------------------|-------------------------|--------------------------|--------------------------|
| Isi kandungan Islam | | | | | | | | | | | | | | |
| Kebolehpercayaan Maklumat | ✓ | | ✓ | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | | ✓ |
| Maklumat Terkini | | | | ✓ | | | | | | | | | | |
| Objektif Kandungan Islam | | ✓ | | ✓ | ✓ | | | ✓ | | ✓ | | ✓ | | ✓ |
| Kredibiliti Kandungan Islam | | | | | | ✓ | | | | | | ✓ | | ✓ |
| Prinsip Kepercayaan | | | | | | ✓ | | | ✓ | | ✓ | ✓ | | ✓ |
| Amanah | | | | | | ✓ | | | | | | ✓ | | |
| Sunnah | | | | | | | | | | | ✓ | ✓ | | |
| Nilai dan Etika Islam | | | | | | | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | |
| Perkhidmatan Islam | | | | | | | | | | | ✓ | ✓ | | |

| Reka Bentuk Islam | | | | | | | | | | | | | | |
|-----------------------------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|----|---|---|
| Bercirikan Pengenalan Islam | ✓ | | | | | | | | | | | | | |
| Sifat-Sifat Islam | ✓ | | | | | | | | | | | | | |
| Audio Islam | ✓ | | | | | | | | | | | | | |
| Kemas dan Rapi | | | ✓ | | | | | | | | | | | |
| Kebolehgunaan Capaian | | | | ✓ | ✓ | | | | | | | ✓ | | |
| Daya Tarikan | ✓ | | | | | | | ✓ | | | | ✓ | | |
| Navigasi | | | | | | | | | ✓ | | | ✓ | | |
| Interaktif | | | | | | | | | ✓ | | | ✓ | | |
| Akses | | | | | | | | | ✓ | | | ✓ | | |
| Pautan Berfungsi | | | | | | | | | | | | | | |
| Simbol-Simbol Islam | | | | | | | | | | ✓ | ✓ | ✓ | | |
| Seni Bina Maklumat | | | ✓ | | ✓ | | | | | | | | | |
| Kredibiliti Penulis | | | | | | | | | | | | | | |
| Kredibiliti | ✓ | ✓ | | | | | | | | | | | | |
| Integriti Penulis/Pengarang | | | | | | | ✓ | ✓ | | | | | | |
| Hubungan Sumber- Pengarang | | | | | | | | | ✓ | | | | | |
| Akhlik Penulis | | | | | | | | | ✓ | | | | | |
| Identiti Penulis | | | | | | | | | ✓ | | | | | |
| Jumlah Komponen | 3 | 5 | 2 | 3 | 4 | 4 | 1 | 4 | 6 | 5 | 3 | 14 | 4 | 4 |

Sumber: Olahan Penyelidik (2017)

EMPAT KOMPONEN PENILAIAN UTAMA LAMAN SESAWANG ISLAM

Jadual 4: Kod matrik terhadap elemen-elemen berdasarkan 4 jenis elemen utama penilaian laman web Islam

| Elemen-elemen | Model 1 Daniels (2004) | Model 2 Wan Abdul Rahim et al. (2006) | Model 3 Kasmani et al. (2008) | Model 4 Hameed (2009) | Model 5 Emma Nuraihan et al. (2010) | Model 6 Shafie et al. (2010) | Model 7 Ahmad Bakeri (2010) | Model 8 Murni et al. (2010) | Model 9 Ishak et al. (2011) | Model 10 Murni et al. (2011) | Model 11 Saidin (2012) | Model 12 Mahmud et al. (2012) | Model 13 Mansur et al. (2013a) | Model 14 Mansur et al. (2013b) | Jumlah |
|---------------------|---------------------------|---|----------------------------------|--------------------------|---|---------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|--------------------------------|---------------------------------|---------------------------|----------------------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|--------|
| Isi Kandungan Islam | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | 13 |
| Keselamatan Web | | ✓ | ✓ | | | | | ✓ | | | | ✓ | | | 4 |
| Kredibiliti Penulis | ✓ | | ✓ | | | | | ✓ | ✓ | | | | | | 4 |
| Reka Bentuk Islam | ✓ | ✓ | | ✓ | | | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ | | ✓ | ✓ | ✓ | 12 |

Sumber: Penyelidik (2017).

3) *Tiga Komponen Utama Penilaian Laman Sesawang Islam*

a. *Isi Kandungan Islam*

Setiap laman sesawang yang dibangunkan mempunyai isi kandungan atau maklumat yang ingin disampaikan kepada umum. Pelbagai jenis maklumat yang disediakan bagi tujuan tertentu samada sebagai perkongsian maklumat atau memberikan pengenalan kepada sesebuah organisasi atau individu. Para cendikiawan dan sarjana masa kini banyak menggunakan laman sesawang untuk berkongsi maklumat kepada masyarakat sebagai contoh di Malaysia, laman sesawang *drmaza.com* dibangunkan untuk menjawab isu-isu semasa, permasalahan umat Islam dan sebagainya. Ianya merupakan salah satu kaedah untuk menyebarkan agama Islam melalui teknologi maklumat dan komunikasi. Penggunaan Internet sebagai medium dakwah telah membantu golongan pendakwah untuk menghasilkan maklumat berkaitan Islam secara tersusun dan cekap.

b. *Reka Bentuk Islam*

Reka bentuk Islam merupakan aspek tambahan yang perlu ada dalam sesebuah laman sesawang Islam, daya tarikan bagi laman sesawang juga dilihat berdasarkan kesediaan laman web tersebut untuk diakses oleh pengguna Internet. Reka bentuk meliputi sebahagian daripada kualiti laman web yang menampilkan konsep dan ciri-ciri Islamik yang sesuai samada dari segi imej, pautan, video, audio dan banyak lagi. Sebuah laman sesawang dakwah perlu mencerminkan entiti sebagai laman sesawang yang seimbang dari segi isi kandungan dan reka bentuk persembahan.

c. *Kredibiliti Penulis*

Pendakwah adalah pengemudi dan penggerak dalam usaha mengajak manusia ke arah kebaikan. Kaedah perkongsian maklumat dan memberi tunjuk ajar termasuk juga dalam proses dakwah kepada masyarakat. Penggunaan Internet sebagai medium dakwah mampu melestarikan usaha dakwah ini sedikit sebanyak dengan ilmu dan kemahiran yang ada. Namun perkara penting yang perlu diutamakan adalah membina kredibiliti yang baik dengan pengguna Internet lain semasa berdakwah. Perkara-perkara asas seperti menonjolkan akhlak dan kata-kata yang baik perlu diutamakan oleh pendakwah sekiranya ingin melihat proses dakwahnya berjaya dari masa ke semasa. Dalam kalangan pengguna laman web, fokus utama untuk membina kredibiliti adalah dengan menggunakan identiti sebenar dan baik, ia menggambarkan bahawa pemilik laman sesawang tersebut adalah berusaha untuk menonjolkan identiti sebenar sebagaimana di dunia luar. Menggunakan bahasa yang baik dan menepati syariat Islam semasa berkongsi pengetahuan amat disukai oleh pengguna laman web kerana dapat membina kredibiliti pendakwah tersebut. Kredibiliti yang baik dapat mempengaruhi pengguna Internet untuk mengakses laman web tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, perbahasan mengenai dakwah menurut perspektif teknologi telah dihuraikan dan juga kepentingan pelaksanaannya dalam era teknologi maklumat dan komunikasi. Tujuan dakwah juga membawa maksud mengajak manusia ke arah kebaikan seterusnya mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan. Pendekatan yang berkembang dari masa ke semasa menyebabkan penggunaan teknologi maklumat tidak dapat dipisahkan dari konteks dakwah untuk menyeru manusia. Oleh sebab itu, perlunya kajian yang lebih banyak dalam aspek aplikasi teknologi terhadap perkembangan dakwah supaya dakwah menjadi lebih berkesan dan efisyen. Selain itu, ciri-ciri utama Internet adalah laman sesawang. Tujuan pembangunan laman sesawang bergantung kepada pembangun laman sesawang tersebut sama ada untuk kepentingan diri mahupun untuk mendapatkan ganjaran pahala hasil usaha menyebarkan dakwah Islam kepada orang lain apabila mengakses ke laman sesawang tersebut. Dari segi konteks penilaian laman sesawang banyak dibincangkan oleh para sarjana sejak tercetusnya evolusi Internet seawal abad 20an. Pemahaman terhadap konsep pembangunan laman sesawang Islamik perlu diambil kira oleh pembangun-pembangun laman sesawang agar setiap ciri-ciri yang dimasukkan ke dalam laman sesawang mematuhi aspek-aspek patuh syariah dan dapat diterima pakai oleh semua pihak. Oleh itu, satu analisis terhadap model penilaian laman sesawang Islam telah dijalankan bagi mengenalpasti ciri-ciri penting yang perlu diberi fokus kepada pembangunan laman web Islam. Model-model pengukuran dan penilaian laman sesawang Islam turut dianalisa bagi menentukan ciri-ciri dan kriteria laman web Islam. Kesimpulannya, penggunaan dan pembangunan laman sesawang Islam masih relevan dalam menyebarkan ajaran Islam. Namun apa yang perlu diberi perhatian adalah sikap kita sebagai pengguna untuk menilai dan menganalisis setiap maklumat yang diterima sebelum diguna mahupun disebarluaskan kepada orang lain.

BIODATA

Mohamad Adib Mohamad Salih ialah pelajar PhD di Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Emel: adib.mdsalih@gmail.com

Halimi Mohd Khalid ialah pensyarah kanan di Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Emel: halimi@uthm.edu.my

Rosmila Abdul Kahar ialah professor madya di Fakulti Sains dan Teknologi, UTHM. Emel: rosmila@uthm.edu.my

Wan Ainaa Mardhiah Wan Zahari ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, UTHM. Emel: mardhiah@uthm.edu.my

RUJUKAN

- A. Irwan Santeri Doll Kawaид. (2011). *Etika Blogger Islam*. Kertas kerja telah dibentangkan di Seminar Etika Blogger dan Multimedia, Sekratariat Perhubungan Pelajar. Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM.
- Ab. Aziz Mohd Zin Siren, Nor Raudah Md Yusoff, Yusmini Mohd Sairi, Faridah Sulaiman, & Mohd Anwarulhaq. (2006). *Dakwah Islam di Malaysia*. KL: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya.
- Abdullah, M. S. (2002). *Berdakwah dalam era multimedia*. Kertas kerja telah dibentangkan di Seminar Islam dan Multimedia di Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ahmad Bakeri Abu Bakar. (2010). *Evaluating the accessibility and visibility of Quran websites*. Conference at 2010 International Symposium on Information Technology (pp. 1-4), 15-17 June 2010, Kuala Lumpur. doi: 10.1109/ITSIM.2010.5561334
- Ahmad, Z. A. (2019). Embracing social media: The change and disruption to public relations practices in Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 319–337.
- Aziz, M. A. (2004). *Ilmu dakwah*. Jakarta: Kencana Prenada Media
- Asep, M., & Abd Djaliel, M. (2002). *Dakwah dalam perspektif Al-Quran: Studi kritis atas visi, misi, dan wawasan*. Bandung: Pustaka Setia.
- Daniels, M. (2004). *Online Islamic organizations and measuring web effectiveness* (Master's thesis, Naval Postgraduate School, Monterey, California).
- Emma Nuraihan Mior Ibrahim, Wan Nur Intan Izzati Wan Hamzah, Jamaliah Taslim, & Wan Adilah Wan Adnan. (2010). Evaluating trust elements in the context of islamic based informational websites. *Proceeding of the International Conference on User Science Engineering (i-USer 2010)* (pp. 268-272). Kuala Lumpur: IEEE Xplore Digital Library.
- Hameed, S. A. (2009). Software engineering ethical principles based on Islamic values. *Journal of Software*, 4(6), 563-570.
- Hanafiah, M. G. (2019). Isu membidaahkan amalan masyarakat Melayu: Analisis wacana media massa (Accusations of heresy against the practice of Malay community: A mass media discourse analysis). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(2), 68–86.
- Kasmani, M. F., Buyong, M., & Muhammad, K. M. B. (2008). *Dakwah content and its method: An analysis on Islamic websites*. Research Report, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mansur Aliyu, Murni Mahmud, & Abu Osman Md Tap. (2012). Exploring Islamic website features that influence user satisfaction: A conceptual model. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 65, 656 – 661.
- Mansur Aliyu, Murni Mahmud, & Abu Osman Md Tap. (2013a). Features influencing Islamic websites use: A Muslim user perspective. *Intellectual discourse*, 21(1), 33-54.
- Mansur Aliyu, Murni Mahmud, Abu Osman Md Tap, & Idyawati Hussein. (2013b). *Development of Islamic websites evaluation guidelines*. In F. L. Gaol, S. Kadry, M. Taylor, & P. S. Li (Eds.), *Recent trends in social and behaviour sciences*. US: CRC Press.
- Mohd. Kamal Hassan. (2013, November 7). *Tekno - Daie berkualiti, Islam dihayati* (Unpublished, Teks Ucaptama ISTAC, IIUM, Konvensyen Pendakwah Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia).
- Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Roslizawati Ramli, & Marina Munira Abdul. (2003). *Intelektualisme & da'wah masa kini*. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

- Mohd Sabhi Ishak, Siti Zubaidah Omar, Jusang Bolong, Musa Abu Hassan, & Zulkiple Abd. Ghani. (2011). Internet's Islamic information credibility scale (IIICS). *'Ulum Islamiyyah: The Malaysian Journal of Islamic Sciences*, 6, 3-28.
- Mohd Sabri Ismail. (2004) *Isu-isu kontemporari akidah dan dakwah*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Mohd Sabri Ismail. (2006). *Konsep dakwah dan strategi: Perlaksanaan menurut Surah an-Nahl 125* (Thesis - Special Collection, Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi, KUiTTHO, Batu Pahat, Johor).
- Murni Mahmud, Mansur Aliyu, & Abu Osman Md Tap. (2010). Quality rating of Islamic websites features: A single-user evaluation. *Proceeding 3rd International Conference on ICT4M 2010*, 13th-14th December 2010, UIN Syarif Hidayatullah, Jakarta.
- Murni Mahmud, Abu Osman Md Tap, Idyawati Hussein, & Mansur Aliyu. (2012). *Content Evaluation of Islamic Websites*. Southeast Asian Network of Ergonomics Societies Conference (SEANES 2012).
- Othman, L. (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*. Newbury Park London, New Delhi: SAGE Publication.
- Saidin, A. Z. (2012). *Islamic values for ICT development with reference to Malaysian context* (Unpublished PhD. thesis, University of Malaya. Kuala Lumpur, Malaysia).
- Salasiah Hanin Hamjah. (2008). *Pendekatan da'wah Al-Irsyad Al-Nafsiyy Menurut Al-Ghazali: Satu kajian di pusat kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan* (Tesis Phd, USM).
- Shafie Mehad, Wan Abdul Rahim Wan Mohd Isa, Nor Laila Md Noor, & Mohd Shukri Husin. (2010). Muslim user interface evaluation framework (Muslim-UI) for Islamic genre website: A quantitative approach. *Proceeding of the 3rd International Conference on Information and Communication Technology for the Moslem World (ICT4M) 2010*, Jakarta, 2010 (pp. H-1-H-6).
- Shahril Nizam Zulkipli. (2012). Pemeliharaan hadith di Internet: Kajian terhadap Laman Web al-Durar al-Saniyyah dan Islam web (Thesis Master, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).
- Siti Ezaleila Mustafa, & Azizah Hamzah. (2011). Media baharu yang baharu: Trend penggunaan jaringan sosial dalam kalangan pengguna di Malaysia. *Jurnal Pengajaran Media Malaysia*, 13(2), 93–110.
- Suyurno, S. S., Norsiah Sulaiman, & Fairuzah Basri (2004). Islam dan pendidikan: ICT dalam dunia pendidikan Islam. In A. S. Long, J. Awang, & K. Salleh (Eds.), *Islam: Past, present, and future* (pp.31-39). Bangi: Faculty of Islamic Studies UKM.
- Syamsul Bahri Andi Galigo, & Kolej Universiti Islam Malaysia. (2004). *Al-Harakah al-batiniyyah fi mizan al-Islam: Dirasah naqdiah lil-batiniyyah al-jawiyah*. Kuala Lumpur: Jami'at al-'Ulum al-Islamiyah bi-Maliziya.
- Wan Abdul Rahim Wan Mohd Isa, Nor Laila Md Noor, & Shafie Mehad. (2006). Towards conceptualization of Islamic user interface for Islamic website: An initial investigation. *Proceedings of the International Conference on Information & Communication Technology for the Muslim World (ICT4M)*, 21-23rd November 2006, Kuala Lumpur.

Zarina Othman, & Bakri Mat. (2018). Jaringan komunikasi dan media: Satu analisis dari perspektif keselamatan insan (Communication and media network: An analysis from human security perspectives). *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 21–39.

Zulkiple Abd Ghani, Berhanuddin Abdullah & Abdul Ghafar Don (Eds.). (2000). *Dakwah dan pengurusan Islam di Malaysia: Konsep dan pelaksanaan*. Bangi: Penerbit UKM.